



Headline: Pensyarah rugi lebih RM100,000 ditipu 'pegawai polis'

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 27April 2020

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 18

## **Pensyarah rugi lebih RM100,000 ditipu 'pegawai polis'**

KUANTAN: Seorang pensyarah di sini terpaksa menanggung kerugian RM116,349.00 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, kejadian bermula Rabu lalu apabila mangsa lelaki berusia 57 tahun itu menerima panggilan, kononnya dari Telekom Malaysia Centre di Kuala Lumpur.

"Suspek memaklumkan terdapat individu tidak bertanggungjawab menggunakan nombor telefon mangsa bagi tujuan judi dalam talian.

"Panggilan itu kemudian kononnya disambungkan kepada pihak polis sebelum mangsa bercakap dengan Inspektor Razak dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Seremban," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Beliau berkata, suspek kononnya membuat semakan sebelum memaklumkan kepada mangsa bahawa terdapat satu akaun bank didaftarkan atasnya.

"Suspek mendakwa akaun itu digunakan untuk tujuan judi dalam talian dan pengubahan wang haram wang berjumlah RM2.3 juta," katanya.

Katanya lagi, mangsa diarahkan untuk membuat bayaran bagi mengelakkan dirinya ditahan oleh pihak polis.

"Pada hari yang sama mangsa membuat 14 kali pindahan wang ke dalam dua akaun berbeza dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM116,349," katanya.

Katanya, kemudian suspek menyuruh mangsa menunggu tindakan seterusnya oleh pihak polis tetapi hingga kelmarin mangsa tidak dihubungi oleh lelaki berkenaan.

"Mangsa yang berasa ditipu kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini, semalam.

"Polis sudah mengambil keterangan mangsa, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta denda jika sabit kesalahan," katanya.